

MAHATHIR - PERPADUAN 'R'R'R

1983

KUALA KERAJ, 16 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEKANKAN PERLUNYA PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT TERUTAMANYA DI MASA SEKARANG MEMANDANGKAN ANCAMAN KUASA BESAR TERHADAP NEGARA-NEGARA RANTAU INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, PERPADUAN MERUPAKAN SENJATA PALING PENTING UNTUK MENJAMIN KEKUKUHAN NEGARA KERANA TANPANYA, NEGARA AKAN HANCUR.

SUNGGUHPUN BELIAU TIDAK MENYEBUT ANCAMAN KUASA BESAR ITU TETAPI ADALAH JELAS DITUJUKAN KEPADA RUSSIA YANG MEMBUAT ANCAMAN MENGGUGAT NEGARA INI.

BELIAU BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN HULU KELANTAN DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT MASIH BELUM WUJUD PERPADUAN SEPENUHNYA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM DAN INI MENYEBABKAN ADANYA NEGARA-NEGARA YANG 'CUBA MEMASUKKAN JARUM' BAGI MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN ISLAM.

BELIAU LALU MENYEBUTKAN TENTANG ADANYA NEGARA TERTENTU YANG CUBA MENJALANKAN USAHA MENGHALANG BEBERAPA BUAH NEGARA ISLAM SUPAYA JANGAN MENGHANTAR WAKIL MENGHADIRI PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI MASALAH PALESTIN YANG AKAN DIADAKAN DI NEGARA INI BULAN DEPAN.

-- LAGI 1730/II

MAHATHIR - PERPADUAN 2 KUALA KERAJ 'R'R'R

'KAMI TAHU NEGERA MANA YANG MENJALANKAN USAHA INI DAN SUDAH TENTU MEREKA BERJAYA JIKA TIDAK ADA PERPADUAN DI KALANGAN ISLAM,' TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KEHADIRAN NEGARA-NEGARA YANG DIUNDANG PERLU BAGI MENGGEMBELINGKAN TENAGA UNTUK MENYOKONG PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN.

BELIAU JUGA MEMBIDAS PAS KERANA SEBELUM WUJUDNYA PAS DULU SEMUA UMAT ISLAM DI NEGARA INI BERSATU PADU DAN TIDAK BERPECAH-BELAH.

'SAYA INGIN TEGASKAN DI SINI UMNO ADALAH PARTI YANG BENAR-BENAR ISLAM TULEN KERANA IA MELAUNGKAN PERPADUAN ISLAM DAN BUKAN MELAUNGKAN PERPECAHAN DI KALANGAN UMAT SAPERTI YANG DIBUAT OLEH PAS.'

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MEMBIDAS PUCUK PIMPINAN PAS YANG MENDAKWA KONONNYA MEREKA SAHAJALAH ULAMAK DAN SEGALA KEGIATAN PERLU DIRUJUKKAN KEPADA MEREKA SEBELUM DILULUSKAN.

'JIKALAU PEGUAM ATAU PENULIS RENCANA DALAM PAS PUN DIANGGAP ULAMAK, APAKAH MAKNANYA ULAMAK ITU SEDANGKAN UMNO JUGA MEMPUNYAI PARA PROFESSIONAL TERMASUK JURUTERA DAN PEGUAM YANG BOLEH JUGA DIPANGGIL ULAMAK JIKA BERDASARKAN TAKRIF YANG DIBUAT OLEH PAS ITU.' KATA BELIAU. -- LAGI 1735/II

ZCZC B627

MAHATHIR - PERPADUAN 3 KUALA KERAJ 'R'R'R

PERDANA MENTERI MENJELASKAN MEREKA YANG BENAR-BENAR ULAMAK IALAH SEORANG YANG MEMPUNYAI PENGETAHUAN TINGGI TENTANG UGAMA, TUA UMURNYA DAN DIHURMATI SERTA DIIKTIRAF OLEH PENDUDUK DI KAWASAN SEKITARNYA DAN BUKAN SAPERTI 'ULAMAK PAS YANG LULUS INNER TEMPLE ATAU DIBERI PELUANG MENULIS RENCANA DALAM AKHBAR-AKHBAR SAJA.'

'SAYA ADA MEMBELI PITA UCAPAN SEORANG PEMIMPIN PAS YANG DALAMNYA ADA MENYEBUTKAN SEGALA YANG DIBUAT DALAM ISLAM PERLU DIRUJUKKAN KEPADA ULAMAK-ULAMAK SAPERTINYA.'

'SAYA TAHU ORANG INI JUGA SELALU MENAIKI KAPALTERBANG DARI KUALA TERENGGANU KE KUALA LUMPUR DAN KALAU JURUTERBANG YANG BERAGAMA ISLAM ASIK KELUAR MASUK MENANYAKAN BELIAU HENDAK PERGI KE KIRI ATAU KE KANAN AKHIRNYA KAPALTERBANG ITU MENDARAT DI LAUT,' TAMBAH BELIAU DI SAMBUT DENGAN GELAK KETAWA PARA HADIRIN.

BELIAU BERKATA YANG ANEHNYA MASA DULU PEMIMPIN PAS MENJULANG ATAU MEMUJA-MUJA SALAH SEORANG PEMIMPINNYA TETAPI TELAH TIDAK SUKA LAGI KEPADANYA PEMIMPIN ITU KINI DITUDUH PEMIMPIN SEKULAR.

INIKAH YANG DINAMAKAN PERJUANGAN ISLAM SEDANGKAN TIMBUL PERPECAHAN DI PARTI ITU YANG MENGAKIBATKAN MEREKA KALAH DALAM DUA PILIHANRAYA KECIL PARLIMEN DAN NEGERI BARU-BARU INI, TANYA PERDANA MENTERI.

-- BERNAMA 1740/II

MAHATHIR - PERPADUAN 2 KUALA KERAJ 'R'R'R

'KAMI TAHU NEGERA MANA YANG MENJALANKAN USAHA INI DAN SUDAH TENTU MEREKA BERJAYA JIKA TIDAK ADA PERPADUAN DI KALANGAN ISLAM,' TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KEHADIRAN NEGARA-NEGARA YANG DIUNDANG PERLU BAGI MENGGEMBELINGKAN TENAGA UNTUK MENYOKONG PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN.

BELIAU JUGA MEMBIDAS PAS KERANA SEBELUM WUJUDNYA PAS DULU SEMUA UMAT ISLAM DI NEGARA INI BERSATU PADU DAN TIDAK BERPECAH-BELAH.

'SAYA INGIN TEGASKAN DI SINI UMNO ADALAH PARTI YANG BENAR-BENAR ISLAM TULEN KERANA IA MELAUNGAN PERPADUAN ISLAM DAN BUKAN MELAUNGAN PERPECAHAN DI KALANGAN UMAT SAPERTI YANG DIBUAT OLEH PAS.'

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MEMBIDAS PUCUK PIMPINAN PAS YANG MENDAKWA KONONNYA MEREKA SAHAJALAH ULAMAK DAN SEGALA KEGIATAN PERLU DIRUJUKKAN KEPADA MEREKA SEBELUM DILULUSKAN.

'JIKALAU PEGUAM ATAU PENULIS RENCANA DALAM PAS PUN DIANGGAP ULAMAK, APAKAH MAKNANYA ULAMAK ITU SEDANGKAN UMNO JUGA MEMPUNYAI PARA PROFESSIONAL TERMASUK JURUTERA DAN PEGUAM YANG BOLEH JUGA DIPANGGIL ULAMAK JIKA BERDASARKAN TAKRIF YANG DIBUAT OLEH PAS ITU.' KATA BELIAU. -- LAGI 1735/II

BERNAMA  
ZCZC B627

MAHATHIR - PERPADUAN 3 KUALA KERAJ 'R'R'R

PERDANA MENTERI MENJELASKAN MEREKA YANG BENAR-BENAR ULAMAK IALAH SEORANG YANG MEMPUNYAI PENGETAHUAN TINGGI TENTANG UGAMA, TUA UMURNYA DAN DIHURMATI SERTA DIIKTIRAF OLEH PENDUDUK DI KAWASAN SEKITARNYA DAN BUKAN SAPERTI 'ULAMAK PAS YANG LULUS INNER TEMPLE ATAU DIBERI PELUANG MENULIS RENCANA DALAM AKHBAR-AKHBAR SAJA.'

'SAYA ADA MEMBELI PITA UCAPAN SEORANG PEMIMPIN PAS YANG DALAMNYA ADA MENYEBUTKAN SEGALA YANG DIBUAT DALAM ISLAM PERLU DIRUJUKKAN KEPADA ULAMAK-ULAMAK SAPERTINYA.'

'SAYA TAHU ORANG INI JUGA SELALU MENAIKI KAPALTERBANG DARI KUALA TERENGGANU KE KUALA LUMPUR DAN KALAU JURUTERBANG YANG BERAGAMA ISLAM ASIK KELUAR MASUK MENANYAKAN BELIAU HENDAK PERGI KE KIRI ATAU KE KANAN AKHIRNYA KAPALTERBANG ITU MENDARAT DI LAUT,' TAMBAH BELIAU DI SAMBUT DENGAN GELAK KETAWA PARA HADIRIN.

BELIAU BERKATA YANG ANEHNYA MASA DULU PEMIMPIN PAS MENJULANG ATAU MEMUJA-MUJA SALAH SEORANG PEMIMPINNYA TETAPI TELAH TIDAK SUKA LAGI KEPADANYA PEMIMPIN ITU KINI DITUDUH PEMIMPIN SEKULAR.

INIKAH YANG DINAMAKAN PERJUANGAN ISLAM SEDANGKAN TIMBUL PERPECAHAN DI PARTI ITU YANG MENGAKIBATKAN MEREKA KALAH DALAM DUA PILIHANRAYA KECIL PARLIMEN DAN NEGERI BARU-BARU INI, TANYA PERDANA MENTERI.

-- BERNAMA 1740/II